



# **GARIS PANDUAN BACAAN DOA MAJLIS RASMI DI NEGERI SARAWAK**

Disediakan Oleh:  
Pejabat Majlis Islam Sarawak  
Aras 16, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah  
Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching  
Sarawak  
**2015**

**GARIS PANDUAN BACAAN DOA MAJLIS RASMI  
DI NEGERI SARAWAK**

**SUSUNAN ISI**

**BAHAGIAN I**

***Permulaan***

***Perkara***

- 1 Tajuk Ringkas
- 2 Tafsiran

**BAHAGIAN II**

***Pembaca Doa Dan Tatacara Membaca Doa***

- 3 Pembaca Doa
- 4 Kriteria Pembaca Doa
- 5 Tatacara Dan Adab Membaca Doa
- 6 Pakaian Pembaca Doa
- 7 Masa Pembacaan Doa
- 8 Tempat Pembacaan Doa
- 9 Teks Doa

**BAHAGIAN III**

***Program Dan Aktiviti***

- 10 Bentuk Program Dan Aktiviti Yang Dibenarkan
- 11 Bentuk Program Dan Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

**BAHAGIAN IV**  
***Tanggungjawab Penganjur***

12 Tanggungjawab Penganjur

**BAHAGIAN V**  
***Pelbagai***

13 Pandangan Mufti

14 Pemberian Kelulusan

# **GARIS PANDUAN BACAAN DOA MAJLIS RASMI DI NEGERI SARAWAK**

*Satu Panduan bagi mewujudkan cara dan adab yang teratur untuk bacaan doa sempena majlis rasmi yang bersesuaian dengan hukum syarak, sama ada dianjurkan oleh agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan mahupun orang perseorangan di Negeri Sarawak.*

## **BAHAGIAN I PERMULAAN**

### **Tajuk Ringkas**

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan ***Garis Panduan Bacaan Doa Sempena Majlis Rasmi Di Negeri Sarawak***

### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, -

“Doa” ertinya satu ucapan permohonan, iaitu permohonan hamba (manusia) kepada Allah SWT dengan hati yang ikhlas bagi mendapat rahmat, inayah (pertolongan) dan juga bagi dijauhkan dari bala bencana dengan cara dan adab yang tertentu;

“Hukum Syarak” ertinya hukum syarak pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad Mazhab Syafie atau Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“Majlis” ertinya Majlis Islam Sarawak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001;

“Majlis Rasmi” ertinya suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, atau Kerajaan Persekutuan, atau pihak tertentu selain dari Kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin negeri/negara, sama ada di peringkat negeri atau Persekutuan.

“Mufti” ertinya Mufti yang dilantik di bawah seksyen 35, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001;

*“Program”* ertinya susunan aktiviti atau acara dalam sesuatu majlis yang dijalankan;

*“Penganjur Program”* ertinya orang atau kumpulan orang yang menganjurkan satu aktiviti atau atur cara secara formal, untuk tujuan tertentu.

## **BAHAGIAN II**

### **PEMBACA DOA DAN TATACARA MEMBACA DOA**

#### **Pembaca Doa**

3. (1) Imam Besar Negeri hendaklah membaca doa bagi majlis yang dihadiri oleh:

- (a) Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong;
- (b) Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja;
- (c) Tuan Yang Terutama Negeri;
- (d) Perdana Menteri Malaysia;
- (e) Timbalan Perdana Menteri Malaysia;
- (f) Ketua Menteri.

3. (2) Walau bagaimana pun Setiausaha Majlis Islam Sarawak boleh melantik sesiapa yang layak untuk membaca doa bagi majlis tersebut dalam keadaan-keadaan tertentu yang difikirkan wajar.

3. (3) Bagi majlis-majlis lain, Pembaca Doa boleh dilantik daripada kalangan mereka yang layak, seperti dalam perkara 4 di bawah.

#### **Kriteria Pembaca Doa**

4. (1) Pembaca Doa hendaklah seorang lelaki dan beragama Islam, boleh menyebut perkataan-perkataan dalam Bahasa Melayu, Arab dan Inggeris dengan tepat, fasih dan betul. Walau bagaimana pun, Pembaca Doa boleh terdiri daripada seorang perempuan jika semua yang hadir dalam majlis tersebut adalah perempuan.

4. (2) Pembaca Doa seboleh-bolehnya individu yang mempunyai akhlak serta sahsiah yang baik dan tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.

4. (3) Pembaca Doa hendaklah mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi satu-satu majlis yang diadakan.

### **Tatacara Dan Adab Membaca Doa**

5. (1) Pembaca Doa hendaklah mematuhi tatacara dan adab membaca doa seperti berikut:

- (a) Pembaca Doa hendaklah datang ke majlis lebih awal sebelum majlis dimulakan;
- (b) Pembaca Doa hendaklah memastikan di mana tempat bacaan doa;
- (c) Sebelum memulakan doa, Pembaca Doa hendaklah memberi tanda hormat kepada Tetamu Khas yang hadir;
- (d) Pembaca Doa hendaklah mengangkat tangan ketika berdoa; dan
- (e) Pembaca Doa hendaklah membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawaduk.

### **Pakaian Pembaca Doa**

6. (1) Pembaca Doa hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan majlis, sama ada:

- (a) pakaian kebangsaan yang lengkap bersamping dan bersongkok;
- (b) pakaian kerja yang lengkap bertali leher dan bersongkok; dan
- (c) baju batik dan bersongkok.

## **Masa Pembacaan Doa**

7. (1) Masa Pembacaan Doa majlis rasmi sebaik-baiknya pada permulaan majlis tersebut.

7. (2) Tempoh masa untuk membaca doa antara 3 hingga 5 minit.

## **Tempat Pembaca Doa**

8. (1) Pengajur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk Pembaca Doa,

8. (2) Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas (jika ada pentas);

## **Teks Doa**

9. (1) Teks doa hendaklah mempunyai mukadimah dan penutup seperti:

(a) Permulaan doa hendaklah mengandungi lafaz *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*, *tahmid* dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.;

(b) Doa seelok-eloknya didahului dengan bacaan dalam Bahasa Arab dan diikuti dengan doa dalam mana-mana bahasa lain;

(c) Pada bahagian akhir doa seelok-eloknya mengandungi bacaan selawat dan *tahmid* dalam Bahasa Arab.

9. (2) Isi kandungan doa hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:

(a) Teks doa hendaklah mengandungi permohonan untuk keselamatan, kesejahteraan umum dan diikuti dengan permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan;

(b) Isi kandungan doa boleh juga menggunakan Bahasa Inggeris, Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut;

(c) Permulaan setiap perenggan sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah dan sifat-sifat Allah sesuai dengan perkara yang dipohon. Sebagai

contoh kalimah *Ya Rahman* (Yang Maha Penyayang) bagi doa memohon kesejahteraan.

- (d) Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sama ada sebagai Perasmian Majlis, atau jemputan khas, Pembaca Doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam paling tinggi dalam negara;
- (e) Teks doa juga sewajarnya menyebut doa kesejahteraan secara umum kepada pemimpin-pemimpin negeri/negara serta ummah keseluruhannya; dan
- (f) Teks doa mesti mengelak daripada menyebut perkataan-perkataan atau maksud/makna yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni di kalangan masyarakat.

### **BAHAGIAN III**

### **PROGRAM DAN AKTIVITI**

#### **Bentuk Program Dan Aktiviti Yang Dibenarkan**

10. (1) Mana-mana program atau aktiviti yang dijalankan atau dianjurkan sama ada oleh mana-mana agensi Kerajaan atau agensi bukan Kerajaan atau orang perseorangan hendaklah mematuhi hukum syarak.

10. (2) Program atau aktiviti yang dijalankan itu selain mematuhi hukum syarak hendaklah juga :

- (a) bersifat mendidik;
- (b) memberi kesedaran;
- (c) merapatkan silaturahim;
- (d) menghormati waktu solat;
- (e) dilakukan secara sederhana;
- (f) mendekatkan diri kepada Allah SWT; dan
- (g) dilakukan dalam suasana tertib dan berakhlek mulia.

#### **Bentuk Program Dan Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

11. (1) Mana-mana program, atau aktiviti, yang mengandungi unsur-unsur maksiat dan melalaikan, tidak dibenar untuk dilaksanakan bacaan doa rasmi.

11. (2) Pada kelazimannya program, atau aktiviti, yang mengandungi unsur-unsur maksiat dan melalaikan itu, antaranya adalah seperti berikut:

- (a) pertunjukan fesyen yang tidak sesuai dengan syarak;
- (b) hiburan dan nyanyian yang diiringi dengan tari-menari;
- (c) senikata nyanyian yang lucah, tidak sopan, membangkitkan nafsu syahwat dan melalaikan;

(d) pertandingan memperagakan diri di khalayak ramai seperti ratu cantik, ratu kebaya, bina badan dan seumpamanya; dan

(e) mengandungi unsur-unsur yang menyerupai amalan kepercayaan atau agama lain seperti *candlelight vigil*, sambutan *valentine day*, *miring* dan seumpamanya.

11. (3) Mana-mana program perayaan atau sambutan berbentuk keagamaan oleh badan atau pertubuhan selain daripada agama Islam juga adalah dilarang dilakukan bacaan doa rasmi.

11. (4) Mana-mana program yang boleh menggugat keharmonian dan membawa kepada permusuhan serta perpecahan dalam masyarakat majmuk.

**BAHAGIAN IV**

**TANGGUNGJAWAB PENGANJUR**

**Tanggungjawab Penganjur**

12. (1) Mana-mana pihak yang hendak menganjur program dan aktiviti yang memasukkan slot bacaan doa rasmi hendaklah memastikan program yang hendak dijalankan itu adalah program dan aktiviti yang memenuhi kriteria hukum syarak.

12. (2) Pihak penganjur tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas program dan aktiviti yang akan dijalankan dengan menyertakan atur cara yang lengkap semasa mengemukakan surat permohonan untuk menggunakan khidmat Pembaca Doa rasmi.

12. (3) Sekiranya pihak penganjur bercadang mengubah atur cara yang telah dinyatakan, hendaklah memberitahu pihak Majlis berkenaan perubahan tersebut dalam masa yang difikirkan mencukupi, atau tidak kurang 3 hari sebelum tarikh program tersebut dilaksanakan.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELBAGAI**

#### **Pandangan Mufti**

**13.** (1) Sekiranya pihak pengajur tidak dapat mempastikan program atau aktiviti tersebut, sama ada mematuhi hukum syarak atau tidak, pandangan dan nasihat Mufti hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kebenaran membaca doa rasmi diluluskan.

#### **Pemberian Kelulusan**

**14.** (1) Kelulusan untuk membaca doa tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara daripada pihak Majlis atau Jabatan Agama Islam Sarawak.

**Disediakan oleh:**

***Pejabat Majlis Islam Sarawak***

**2015**